

FTeK Berjaya Anjur Persidangan ETIC



Kuta, Bali, 24 Ogos – Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) Universiti Malaysia Pahang berjaya menganjurkan persidangan Engineering Technology International Conference (ETIC 2015) buat julung-julung kalinya di Hotel Wina Holiday Villa, Kuta, Bali, Indonesia baru-baru ini.

Persidangan ini telah dianjurkan dengan kerjasama Fakulti Teknologi Kejuruteraan tiga university teknikal lain iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Persidangan yang bertemakan “Toward Understanding Engineering Technology for Global Industries” ini juga telah dihadiri hampir 100 peserta yang terdiri daripada ahli industri dan akademik dari dalam serta luar negara. Di antara negara-negara yang terlibat dalam menyertai persidangan ini adalah peserta dari Malaysia, Amerika Syarikat, Ukrain, Perancis dan juga Indonesia.



Majlis pembukaan persidangan dirasmikan oleh Penasihat Akademik UMP Advanced Education (UAE), Professor Dr. Abdullah Ibrahim. Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan UniMAP, Professor Dr. Abdul Hamid Adom, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTHM, Professor Madya Dr. Ishak bin Baba dan Dekan FTK UTEM, Professor Madya Mohd Rahimi Yusoff.

Tiga peserta dinobatkan sebagai kertas pembentangan terbaik dan hadiah telah disampaikan ketika Majlis "Grand Dinner" iaitu Mohd Faizal Ismail, Dr. Saiful Anuar Che Ghani dan Dr. Noor Azizah Sidek.

Pengerusi ETIC 2015, Dr. Hadi Manap berkata, persidangan yang berlangsung selama dua hari ini dianjurkan bagi menyediakan platform untuk para penyelidik dan jurutera teknologis untuk berkumpul dan berkongsi penemuan-penemuan terkini dalam bidang yang berkaitan.

"Persidangan ini juga dapat memberi dan menyebarkan pengetahuan, kepentingan dan kaedah dalam bidang pendidikan dan pembangunan teknologi serta kejuruteraan disamping dapat mengukuh dan menjalinkan kerjasama antara ahli akademik dan industri dalam bidang Teknologi Kejuruteraan," katanya.

Beliau juga merupakan Timbalan Dekan Penyelidikan FTek ketika ditemui berharap agar persidangan ETIC 2015 yang dianjurkan pada kali ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dengan jumlah peserta yang lebih ramai. Persidangan ini menyediakan platform yang lebih luas supaya ahli akademik dan industri dapat berkumpul dan menjalinkan kerjasama yang lebih rapat terutama di dalam bidang Teknologi Kejuruteraan.

Berita dan gambar disediakan oleh Mohd Akmal Azhar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 28-08-2015, 17:31:04